



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-HUKMI

**PANDANGAN HUKUM MENGENAI
PENGURUSAN TANAH WAKAF SI MATI OLEH WARIS**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti permohonan mengenai pengurusan sebidang tanah Lot PT50, HSM 34 (Pertanian) dengan keluasan 13/134 Bahagian (1 relung) bertempat di Wang Tepus, Derang, Kubang Pasu, Kedah yang telah diwakaf bagi tujuan Tapak Masjid dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Hasil jualan tanah wakaf berkenaan tidak perlu ditukar ganti (*istibdal*) dengan membeli tanah yang lain sebagai ganti tanah wakaf berkenaan. Hal ini kerana agak sukar untuk memperoleh keluasan tanah yang sama jika dibandingkan dengan harga semasa yang terlalu tinggi.
2. Oleh itu, dinasihatkan supaya pihak YBhg. Dato' agar dapat mengenal pasti mana-mana masjid yang sedang dalam pembinaan dan benar-benar memerlukan sumbangan dana. **Hasil jualan tanah wakaf tersebut bolehlah disalurkan kepada masjid berkenaan dengan kadar segera, mudah-mudahan mengalir pahala membina masjid sebagaimana yang dihasrat oleh pewakaf ketika hayatnya.**

TARIKH KEPUTUSAN : 6 SEPTEMBER 2021